

1. Tajuk:

Kajian Penilaian Projek “*Enhanced Primary Health Care (EnPHC)*”: Tinjauan Populasi

2. Nama Penyelidik Utama dan Institusi:

Dr. Maria Safura Mohamad, Institut Kesihatan Umum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.

3. Nama Penaja:

Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Pengenalan:

Institut Kesihatan Umum sedang menjalankan Kajian Penilaian Projek “*Enhanced Primary Health Care (EnPHC)*”: Tinjauan Populasi. Maklumat di bawah akan menjelaskan hal-hal berkenaan penglibatan anda dalam tinjauan ini.

Amat penting untuk anda memahami mengapa tinjauan ini dilaksanakan dan apa yang perlu anda lakukan. Sila ambil masa yang secukupnya untuk membaca dengan teliti penerangan yang diberi sebelum anda memberi persetujuan untuk menyertai tinjauan ini. Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan ataupun memerlukan maklumat lanjut, anda boleh bertanya dengan mana-mana ahli kumpulan tinjauan ini.

Setelah anda memahami maklumat tinjauan ini dan bersetuju untuk mengambil bahagian, anda perlu menandatangani Borang Persetujuan yang disertakan pada muka surat terakhir risalah ini. Penyertaan anda dalam tinjauan ini adalah secara sukarela dan anda boleh menarik diri pada bila-bila masa. Anda dibenarkan untuk tidak menjawab mana-mana soalan atau menarik diri dari pemeriksaan yang disebutkan sekiranya anda enggan. Keengganan anda untuk mengambil bahagian atau menarik diri tidak akan menjejaskan sebarang manfaat perubatan atau kesihatan yang sememangnya hak anda. Tinjauan ini ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Apakah tujuan tinjauan ini dijalankan?

Tujuan tinjauan ini dijalankan adalah untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan status kesihatan masyarakat di negeri Johor dan Selangor. Maklumat yang diperolehi ini akan dikaji dan dinilai bagi meningkatkan lagi taraf perkhidmatan kesihatan di negara ini. Tinjauan ini akan berlangsung selama kira-kira 5 minggu dan seramai 10,000 responden akan terlibat di dalam tinjauan ini.

6. Apakah yang perlu saya lalui/lakukan sekiranya bersetuju untuk menyertai tinjauan ini?

Tinjauan ini akan meliputi:

- a) Sesi temuramah semua ahli isi rumah berumur 30 tahun dan ke atas oleh ahli pengumpulan data. Soalan yang akan ditanya adalah berkaitan dengan isu-isu kesihatan.

- b) Pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan tekanan darah tinggi dan berat.
- c) Pengambilan sampel darah dengan cara mencucuk hujung jari (*finger prick*) untuk memeriksa kandungan gula dan paras kolesterol (setelah mendapat persetujuan responden).

7. Apakah tanggungjawab saya sewaktu menyertai tinjauan ini?

Amat penting untuk anda menjawab kesemua soalan yang ditanya oleh ahli pengumpulan data dengan lengkap. Penyertaan dalam tinjauan ini tidak memerlukan anda mengeluarkan sebarang perbelanjaan.

8. Apakah risiko dan kesan-kesan sampingan menyertai tinjauan ini?

Pengambilan sampel darah boleh menyebabkan ketidakselesaan tetapi tidak semua orang mengalaminya. Anda mungkin berasa sakit atau mungkin mendapat lebam di jari yang dicucuk jarum. Puasa sebelum pengambilan darah boleh menyebabkan pening, sakit kepala atau ketidakselesaan perut. Jika anda merasakan anda tidak sihat anda perlu mendapatkan rawatan dengan segera.

9. Apakah manfaatnya saya menyertai tinjauan ini?

Anda tidak mempunyai sebarang manfaat kesihatan secara langsung apabila menyertai tinjauan ini. Walaubagaimanapun, segala maklumat yang diperolehi daripada tinjauan ini akan dapat membantu dalam meningkatkan lagi taraf perkhidmatan kesihatan di negara ini.

10. Adakah maklumat perubatan saya akan dirahsiakan?

Segala maklumat anda yang diperolehi dalam tinjauan ini akan disimpan dan dikendalikan secara sulit, bersesuaian dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan. Sekiranya hasil tinjauan ini diterbitkan atau dibentangkan kepada orang ramai, identiti anda tidak akan didedahkan tanpa kebenaran anda terlebih dahulu.

11. Siapakah yang perlu saya hubungi sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan keterangan lanjut mengenai tinjauan ini, anda boleh menghubungi Ketua Penyelidik, Dr. Maria Safura Mohamad, Institut Kesihatan Umum, di alamat Jalan Bangsar, Kuala Lumpur di talian 03-22979400 atau mana-mana pegawai di bilik operasi di alamat yang sama atau menghubungi di talian 03-22979575/ 03-22979595.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan hak-hak anda sebagai responden dalam tinjauan ini, sila hubungi Setiausaha, Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan (MREC), Kementerian Kesihatan Malaysia di talian 03-22874032.